

24 MAR 2002

Abdullah-PBRS/I

TERIMA KEPUTUSAN PENDAFTAR PERTUBUHAN, KATA TPM

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Datuk Dr Jeffrey Kitingan perlu menerima keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) yang mengisytiharkan Tan Sri Joseph Kurup sebagai presiden parti itu yang sah.

"Saya harap beliau akan dapat menerima kerana yang pentingnya janganlah menimbulkan pergolakan dalam PBRS," katanya kepada pemberita di pangkalan TUDM Subang dekat sini hari ini selepas menyambut kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada lawatan sembilan hari ke Rusia, Jerman dan Poland.

Abdullah berkata adalah penting parti Kadazandusun itu dan semua komponen lain Barisan Nasional (BN) supaya terus bersatu demi keutuhan gabungan berkenaan.

Krisis kepimpinan PBRS tercetus Januari lepas apabila kumpulan yang memihak kepada Kurup dan Dr Jeffrey mengadakan pemilihan berasingan dan masing-masing memilih kedua-dua pemimpin sebagai presiden.

Abdullah berkata usaha Dr Jeffrey untuk mengambilalih kuasa adalah bertentangan dengan perlembagaan PBRS dan tidak dapat diterima.

Pendaftar Pertubuhan Datuk Ismail Dollah Harun mengumumkan semalam bahawa pemilihan Kurup sebagai presiden adalah sah selepas meneliti laporan pemilihan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat yang turut berada di pangkalan itu, berkata beliau berharap semua pihak dapat menerima keputusan ROS.

"Saya harap keputusan itu meredakan situasi politik di Sabah kerana kestabilan politik penting dalam usaha kerajaan melaksanakan pembangunan," katanya.

-- BERNAMA

MAD DC MOZ